

13 AUG 1998

EJEN INSURANS MELAYU ALU SARANAN LABUR DALAM INSURANS

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Persatuan Ejen-ejen Insurans Jaminan Pendapatan Hidup Melayu Malaysia (Jamin) menyambut baik saranan agar orang ramai menyimpan wang di dalam skim insurans nyawa atau jaminan pendapatan hidup.

Jamin berharap masyarakat Melayu mengambil iktibar saranan itu yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana peranan insurans nyawa pada masa kegawatan ekonomi adalah penting dan strategik kepada rakyat dan negara, kata Yang DiPertua persatuan Mohamad Zainuddin Abu Bakar dalam satu kenyataan di sini hari ini.

"Ini kerana nilai ringgit yang sama dapat memberikan beberapa faedah yang digabungkan iaitu menyimpan, menjamin, melabur dan dana pinjaman peribadi untuk menjamin kesejahteraan masa depan kewangan rakyat," katanya.

Ringgit yang sama juga dapat mewujudkan dana kewangan untuk membolehkan kerajaan mempertahankan ekonomi negara dengan mengurangkan pergantungan meminjam daripada dana kewangan asing yang mengenakan syarat yang menggugat kedaulatan negara, katanya.

Zainuddin berkata Jamin akan menganjurkan Konvensyen Ejen Insurans Muslim Malaysia '98 pada 22 Nov ini sebagai persiapan menganjurkan Konvensyen Ejen Insurans Muslim Sedunia pada November tahun depan.

Ejen insurans dan usahawan Melayu digalakkan menyertai konvensyen itu dan pertanyaan boleh dikemukakan pada urusetia konvensyen, Puan Umi Salamah pada talian 016-2738426.

-- BERNAMA

RAZ AKD